

Bagaimanapun isu-isu berkenaan kelewatan telah dijawab oleh YB Timbalan Menteri NRE pada 24 Oktober 2017, soalan dari YB Parlimen Alor Setar.

#### 5. Objektif Projek RTB Sg Kedah/ Anak Bukit

- a. Mengurangkan kekerapan, keluasan dan kedalaman banjir di kawasan Bandaraya Alor Setar dan Bandar Jitra termasuk kampung-kampung, taman-taman perumahan dan kawasan industri di sekitar Sg. Baru, Sg. Tanjung Pauh dan Sg. Anak Bukit dimana Lencongan Sg Baru akan dapat melencongkan sebanyak **390m<sup>3</sup>/s** jika banjir purata kala ulangan 50 tahun (Average Recurrence Interval ARI) terus ke laut.
- b. Mengurangkan kehilangan nyawa, kerosakan infrastruktur awam, harta benda penduduk termasuk tanaman akibat daripada banjir di sepanjang sungai-sungai tersebut di atas.
- c. Mengurangkan gangguan kepada aktiviti sosio dan ekonomi penduduk negeri Kedah terutama yang tinggal di kawasan yang selalu dilanda banjir.

Sekian, terima kasih.